

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB ANUAR BIN ABD MANAP
(SEKIJANG)**

**TARIKH : 02.04.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:

- (a) apakah bentuk persiapan dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk menghadapi bencana di dalam Negara seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh dan lain-lain; dan**
- (b) berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh pihak ATM bagi menghadapi banjir dalam Negara pada penghujung tahun 2013**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai salah satu Agensi Penyelamat dalam pengendalian bencana negara, sentiasa membuat persiapan dan bersiapsiaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejadian bencana. Dengan segala aset dan kelengkapan peralatan yang dimilikinya, ATM berkeupayaan untuk menghadapi dan menangani apa jua keadaan bencana yang diarahkan oleh agensi peneraju utama pengurusan bencana negara iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, ATM mempunyai pengalaman yang luas dalam menghadapi bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan bangunan runtuh.

Bagi memastikan kesiapsiagaan berada di tahap tertinggi, ATM sentiasa melatih dan menghantar para pegawai serta anggotanya menghadiri seminar, bengkel, kursus dan eksekusi pengendalian bencana di dalam dan luar negara. Di samping itu, ATM juga sentiasa mengemaskini Perintah Tetap Operasi bagi

menghadapi sesuatu keadaan bencana agar ianya dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif.

Bagi pengoperasian ATM dalam membantu kawasan yang terjejas dengan banjir, anggaran kos sehingga penghujung 2013 adalah sebanyak **RM 1.1 juta.**